



**LEMBAGA PELABUHAN KELANG  
(PORT KLANG AUTHORITY)**  
Beg Berkunci 202,  
Jalan Pelabuhan Utara,  
42005 Pelabuhan Klang  
**SELANGOR DARUL EHSAN, MALAYSIA.**

Tel: 603-3168 8211  
Fax: 603-3168 9117  
603-3168 8228  
603-3168 8229  
603-3167 0211

Web:<http://www.pka.gov.my>  
Email:[onestopagency@pka.gov.my](mailto:onestopagency@pka.gov.my)  
ISO 9001:2015 & ISO/IEC 27001:2013

(JAB. ZON BEBAS, JAB. DAGANGAN BERBAHAYA & JAB. TEKNOLOGI MAKLUMAT)

Ruj. Tuan:  
Ruj. Kami: LPK:PB/600-4/1 Jld. 4 ( 11 )  
Tarikh : 26 April 2022

**[SENARAI EDARAN SEPERTI DILAMPIRAN]**

YBhg. Dato' Sri / Datuk / Dato' / Tuan / Puan,

**PEKELILING PENGURUS BESAR LEMBAGA PELABUHAN KELANG NO. 6/2022**

**PROSEDUR OPERASI STANDARD PENAHANAN / PEMERIKSAAN / PELEPASAN  
KONTENA OLEH AGENSI PENGUATKUASAAN / AGENSI KERAJAAN LAIN /  
PIHAK BERKUASA PELABUHAN DI PELABUHAN KLANG**

Dengan segala hormatnya saya diarah merujuk kepada perkara di atas.

2. Lembaga Pelabuhan Kelang (LPK) dengan kerjasama Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) dan Agensi Kerajaan yang berkaitan telah merangka satu prosedur operasi standard (SOP) sebagai garis panduan kepada semua Agensi Penguatkuasaan, Agensi Kerajaan Lain (OGA), Pihak Berkuasa Pelabuhan dan Pemain Industri Logistik bagi aktiviti penahanan, pemeriksaan serta pelepasan *Full Container Load (FCL) / Less Container Load (LCL)* di dalam kawasan pelabuhan di Pelabuhan Klang. SOP ini bertujuan untuk memastikan kontena dilepaskan dalam tempoh tiga (3) hari agar pihak Pengimport tidak perlu menanggung caj-caj yang tidak sepatutnya disebabkan kelewatan pemeriksaan oleh Agensi Penguatkuasaan, OGA dan Pihak Berkuasa Pelabuhan.

3. Untuk makluman, LPK telah membentangkan draf SOP di dalam Mesyuarat Pasukan Petugas Logistik Kebangsaan (NLTF) Bil. 1/2022 yang dipengerusikan oleh YB. Menteri Pengangkutan pada 21 April 2022. SOP ini telah dimuktamadkan di dalam mesyuarat tersebut dan pelaksanaannya akan berkuatkuasa mulai 1 Mei 2022.

4. Pengguna-pengguna pelabuhan boleh mengemukakan maklumbalas secara atas talian melalui laman sesawang LPK (Sistem *e-Feedback*) atau pautan (<https://pkapp.pka.gov.my/feedback/ui/index.php>) bagi isu-isu seperti berikut:

- i. Pengenaan *Storage / Removal Charges* disebabkan kelewatan pemeriksaan dan pelepasan Agensi Penguatkuasaan / OGA / Pihak Berkuasa Pelabuhan / Operator Terminal; dan
- ii. Kontena yang disita oleh Agensi Penguatkuasaan / OGA dan tidak tersedia untuk dipulangkan dalam tempoh 30 hari.

5. Agensi Penguatkuasaan, OGA, Operator Terminal dan Pengguna-Pengguna Pelabuhan terutamanya Ejen Perkapalan, Ejen Penghantaran dan Pengimport diminta untuk mematuhi SOP yang dikeluarkan bagi memastikan pelepasan kontena dapat dibuat di dalam tempoh tiga (3) hari.

6. Bersama-sama ini dikemukakan SOP untuk digunakan oleh semua Agensi Penguatkuasaan, OGA dan Pemain Industri Logistik di Pelabuhan Klang. Sebarang pertanyaan berhubung perkara ini boleh diajukan kepada Jabatan Pusat Sehenti, LPK di talian 03-3168 8211 samb. 2039 / 2040 / 2045 / 2047 atau emel di [onestopagency@pka.gov.my](mailto:onestopagency@pka.gov.my).


7. Segala kerjasama pihak YBhg. Dato' Sri / Datuk / Dato' / Tuan / Puan amat dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

**"WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030"**

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menjalankan amanah,



**(KAPT. K. SUBRAMANIAM)**

Pengurus Besar

Lembaga Pelabuhan Kelang

Tel : 03-3168 8211

Fax : 03-3168 7626

E-mel : [subra@pka.gov.my](mailto:subra@pka.gov.my)

**[SENARAI EDARAN]**

**ENCIK MOHAMMAD SANUSI BIN ABDUL KARIM**

Setiausaha Bahagian  
Bahagian Penguatkuasaan dan Kawalan  
Kementerian Dalam Negeri  
Aras 5 & 6, Blok D1, Kompleks D  
No. 3, Persiaran Perdana, Presint 2  
**62546 PUTRAJAYA**

**Tel : 03-8886 8047**  
**Faks : 03-8889 1682**

**PUAN ELLYZA BINTI AHMAD HANIPIAH**

Sekretariat Perdagangan Strategik  
Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri  
Aras 4, Menara MITI  
No. 7, Jalan Sultan Haji Ahmad Shah  
**50480 KUALA LUMPUR**

**Tel : 03-6208 4861**  
**Faks : 03-6211 4402**

**YBHG. DATO' SRI ABDUL LATIF BIN ABDUL KADIR**

Ketua Pengarah Kastam  
Ibu Pejabat Jabatan Kastam Diraja Malaysia  
Kompleks Kementerian Kewangan Malaysia  
No. 3, Persiaran Perdana, Presint 2  
**62596 PUTRAJAYA**

**Tel : 03-8882 2888**  
**Faks : 03-8889 5901**

**YBHG. DATO' ABDULLAH BIN JAAPAR**

Penolong Ketua Pengarah Kastam (Penguatkuasaan)  
Bahagian Penguatkuasaan  
Ibu Pejabat Jabatan Kastam Diraja Malaysia  
Aras 3 Utara  
Kompleks Kementerian Kewangan Malaysia  
No. 3, Persiaran Perdana, Presint 2  
**62596 PUTRAJAYA**

**Tel : 03-8882 4897**  
**Faks : 03-8882 2732**

**TUAN MOHAMMAD SABRI BIN SAAD**

m.t.t Penolong Ketua Pengarah Kastam Zon Tengah  
Jabatan Kastam Diraja Malaysia  
Unit I (WPKL), Kompleks Kastam WPKL  
No. 22, Jalan SS6/3 Kelana Jaya  
**47301 PETALING JAYA**

**Tel : 03-7884 0801**  
**Faks : 03-7804 5116**

**PUAN ZURAINI BINTI OTHMAN**

m.t.t Pengarah Operasi Perkastaman/ Perkhidmatan Teknik  
Jabatan Kastam Diraja Malaysia  
No. 1, Jalan Perigi Nenas 7/1  
KS II, Taman Perindustrian Pulau Indah  
**42907 PELABUHAN KLANG**

**Tel : 03-3101 3102**  
**Faks : 03-3101 3121**

**TUAN ATHAVAN A/L SUBRAMANIAM**

Timbalan Pengarah Kastam  
Cawangan Narkotik  
Jabatan Kastam Diraja Malaysia  
Jalan Ciku, Kampung Jijan Tengah, Nilai  
**71800 NEGERI SEMBILAN**

**Tel. : 06-791 7587**  
**Faks : 06-791 3313**

**ENCIK AZLAN BIN AHMAD**

Pengarah  
Bahagian Bahan Berbahaya  
Jabatan Alam Sekitar  
Aras 1-4, Podium 2 & 3  
Wisma Sumber Asli  
No. 25, Persiaran Perdana, Presint 4  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
**62574 PUTRAJAYA**

**Tel : 03-8871 2000**  
**Faks : 03-8888 4070**

**ENCIK SHAFE'EE BIN YASIN**

Pengarah  
Bahagian Penguatkuasa  
Jabatan Alam Sekitar  
Aras 1-4, Podium 2 & 3  
Wisma Sumber Asli  
No. 25, Persiaran Perdana, Presint 4  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
**62574 PUTRAJAYA**

**Tel : 03-8871 2000**  
**Faks : 03-8888 0067**

**PUAN NOR AZIAH BINTI JAAFAR**

Pengarah  
Jabatan Alam Sekitar Negeri Selangor  
Tingkat 12-14, Wisma Sunwaymas  
Jalan Tengku Ampuan Zabedah C9/C  
Seksyen 9  
**40100 SHAH ALAM**

**Tel : 03-5521 4002**  
**Faks : 03-5519 4788**

**ENCIK ZAMAKHSHARI BIN HANIPAH**

Ketua Pengarah  
Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara  
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan  
Aras 23, 24 & 34  
No. 51, Persiaran Perdana Presint 4  
**62100 PUTRAJAYA**

**Tel : 03-8891 4500**

**Faks : 03-8891 3190**

**TUAN HAJI ISMAIL BIN MOKHTAR**

Ketua Pegawai Eksekutif  
Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (SWCorp)  
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan  
Tingkat 5, 6, 7 & 8, Blok J, Bangunan MKN Embassy Techzone  
Jalan Teknorat 2  
**63000 CYBERJAYA**

**Tel. : 03-8312 4000**

**Faks : 03-8312 4003**

**DR. NOORMALA BINTI ZAKARIA @ RAMLI**

Pegawai Kesihatan  
Pejabat Kesihatan Pelabuhan  
Persiaran Raja Muda Musa  
**42007 PELABUHAN KLANG**

**Tel : 03-3168 6364**

**Faks : 03-3168 4171**

**TUAN MOHD SOBRI BIN MOHD HASHIM**

Pengarah  
Pejabat MAQIS Negeri Selangor  
Aras 3, Wisma Kastam Pelabuhan Utara  
Lengkungan Sultan Hishamudin  
**42007 PELABUHAN KLANG**

**Tel : 03-3176 4376**

**Faks : 03-3176 1721**

**ENCIK DENNIS TEN CHOON YUNG**

Pengarah  
Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara  
Negeri Selangor  
Jalan Lanar 8/15, Seksyen 8  
**40000 SHAH ALAM**

**Tel : 03- 5519 3915**

**Faks : 03- 5510 1830**

**ENCIK AZAHAR BIN IBRAHIM**

Pengarah  
Jabatan Pertanian Negeri Selangor  
Tingkat 4, Bangunan Darul Ehsan  
No. 3, Jalan Indah, Seksyen 14  
**40632 SHAH ALAM**

**Tel : 03-5518 9888**

**Faks : 03-5510 5044**

**TUAN SUHAIMI BIN MANSOR**

Pengarah  
Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia  
CIDB Selangor  
Tingkat 5, Wisma PKPS  
Persiaran Perbandaran, Seksyen 14  
**40675 SHAH ALAM**

**Tel : 03-5512 8600**

**Faks : 03-5512 8620**

**ENCIK AHMAD SYARILIZWAN BIN TALIB**

Ketua  
Lembaga Perindustian Kayu Malaysia  
MTIB Wilayah Tengah  
No. 29, Lorong Batu Nilam  
10-A, Bandar Bukit Tinggi  
**41200 KLANG**

**Tel : 03-3324 3063**

**Faks : 03-3324 3733**

**ENCIK DZAFARULLAH BIN DAUD**

Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri Selangor  
Bahagian Perkhidmatan Farmasi  
Jabatan Kesihatan Negeri Selangor  
Tingkat 9, 10, 11, 14, 17 & 18  
No. 1, Wisma Sunway  
Jalan Tengku Ampuan Zabedah C 9/C, Seksyen 9  
**40000 SHAH ALAM**

**Tel : 03-5518 7201**

**Faks : 03-5123 7209**

**Y.M. RAJA NORSIHA RAJA ABD. HANAN**

Ketua Seksyen Sivil dan Pembinaan  
Jabatan Perkhidmatan Pengujian  
SIRIM QAS International Sdn. Bhd.  
Bangunan 22, No. 1  
Persiaran Datoq Menteri, Seksyen 2  
**40700 SHAH ALAM**

**Tel : 03-5544 5182**

**Faks : 03-5544 5855**

**YBHG. DATO' AZMAN SHAH BIN MOHD. YUSOF**

Ketua Pegawai Eksekutif  
Northport (Malaysia) Bhd.  
Jalan Pelabuhan, Pelabuhan Utara  
**42000 PELABUHAN KLANG**

**Tel: 03-3169 8686**

**Faks: 03-3169 8697**

**ENCIK EDDIE LEE MUN TAT**

Ketua Pegawai Eksekutif  
Westports Malaysia Sdn. Bhd.  
Peti Surat 286, Pelabuhan Barat  
Pulau Indah  
**42009 PELABUHAN KLANG**

**Tel : 03-3169 4038**

**Faks : 03-3169 4175**

**ENCIK OOI LEAN HIN**

Pengerusi  
Shipping Association Malaysia (SAM)  
Unit 9-1 Aras 9, Tower 8, UOA Business Park  
No. 1 Jalan Pengaturcara U1/51<sup>a</sup>  
**40150 SHAH ALAM**

**Tel : 03-7883 2600**  
**Faks : 03-7804 8220**

**YBHG. DATO' TONY CHIA**

Presiden  
Selangor Freight Forwarders and Logistics Association (SFFLA)  
Wisma SFFLA  
No. 23, Jalan Cemerlang  
**42000 PELABUHAN KLANG**

**Tel : 03-3168 4363**  
**Fax : 03-3167 5243**

**ENCIK BENJAMIN KENG**

Presiden  
Malaysia Freight Forwarders Association (MAFFA)  
The Landmark Building  
No. 3A-13A Jalan Batu Nilam 16  
Bandar Bukit Tinggi  
**41000 KLANG**

**Tel : 019-339 0970**  
**Tel : 012-699 4988**

**YBHG. TAN SRI DATO' SOH THIAN LAI**

Presiden  
Federation of Malaysian Manufacturers (FMM)  
Wisma FMM, No. 3, Persiaran Dagang, PJU 9  
Bandar Sri Damansara  
**52200 KUALA LUMPUR**

**Tel : 03-6286 7200**  
**Faks : 03-6274 1266**

**ENCIK WALTER CULAS**

Pengerusi  
Airfreight Forwarders Association of Malaysia (AFAM)  
16B, Tingkat 2, Jalan Kemuja  
Bangsar Utama  
**59000 KUALA LUMPUR**

**Tel : 03-2284 2000**  
**Faks : 03-2287 2592**



# LEMBAGA PELABUHAN KLANG

## PROSEDUR OPERASI STANDARD

**PENAHANAN / PEMERIKSAAN  
/ PELEPASAN KONTENA OLEH  
AGENSI PENGUATKUASAAN /  
AGENSI KERAJAAN LAIN  
(OGA) / PIHAK BERKUASA  
PELABUHAN DI PELABUHAN  
KLANG**



## ISI KANDUNGAN

1.0	NAMA PROSEDUR DAN TARIKH KUATKUASA .....	3
2.0	PEMAKAIAN.....	3
3.0	OBJEKTIF .....	3
4.0	TAFSIRAN .....	4
5.0	PERMOHONAN ID PENGGUNA.....	6
6.0	PENAHANAN KONTENA.....	8
7.0	PERMOHONAN <i>SPECIAL SERVICE REQUEST (SSR)</i> .....	9
8.0	PEMINDAHAN KONTENA KE PUSAT PEMERIKSAAN .....	10
9.0	PEMERIKSAAN KONTENA .....	11
10.0	PELEPASAN KONTENA.....	13
11.0	PENYITAAN KONTENA.....	14
	LAMPIRAN 1 .....	15

## 1.0 NAMA PROSEDUR DAN TARIKH KUATKUASA

- 1.1 Prosedur ini dikenali sebagai Prosedur Operasi Standard (SOP) bagi Penahanan / Pemeriksaan / Pelepasan Kontena di Pelabuhan Klang. Prosedur ini akan berkuatkuasa mulai **1 Mei 2022**.

## 2.0 PEMAKAIAN

- 2.1 SOP ini terpakai bagi semua Agensi Penguatkuasaan dan Agensi Kerajaan Lain (*Other Government Agencies - OGA*) dan Pihak Berkuasa Pelabuhan yang menjalankan aktiviti penahanan, pemeriksaan serta pelepasan *Full Container Load (FCL) / Less Container Load (LCL)* kontena di dalam kawasan Pelabuhan Klang.
- 2.2 Pemeriksaan yang dimaksudkan dalam 2.1, dibahagikan kepada tiga (3) kaedah iaitu fizikal, dokumentasi dan imbasan (*Nonintrusive Inspection (NII)*).
- 2.3 SOP ini tidak mengatasi kuasa-kuasa yang diperuntukkan kepada semua Agensi Penguatkuasaan / OGA di bawah Undang-Undang, Peraturan dan Garis Panduan yang sedang berkuatkuasa.

## 3.0 OBJEKTIF

- 3.1 Prosedur ini merupakan panduan kepada semua Agensi Penguatkuasaan / OGA / Pihak Berkuasa Pelabuhan dan pemain industri logistik.
- 3.2 Prosedur ini merangkumi perkara-perkara berikut:
- a. Permohonan ID Pengguna;
  - b. Penahanan kontena;
  - c. Permohonan *Special Service Request (SSR)*;
  - d. Pemindahan kontena ke pusat pemeriksaan;
  - e. Pemeriksaan serta Pelepasan kontena; dan
  - f. Penyitaan kontena dan kargo.

## 4.0 TAFSIRAN

Bagi maksud pemakaian SOP ini:

### 4.1 Pemeriksaan Secara Fizikal

i. Pemeriksaan fizikal boleh dikategorikan kepada tiga (3) iaitu:

a. Pemeriksaan Rapi

Bermaksud pemeriksaan yang memerlukan semua barang yang berada di dalam kontena dikeluarkan dari kontena dan setiap bungkusan hendaklah diperiksa oleh Agensi Penguatkuasaan / OGA / Pihak Berkuasa Pelabuhan.

b. Pemeriksaan Sebahagian

Bermaksud hanya sebahagian barang yang berada di dalam kontena akan dibawa keluar dan setiap bungkusan yang dibawa keluar hendaklah diperiksa oleh Agensi Penguatkuasaan / OGA / Pihak Berkuasa Pelabuhan. Pemeriksaan dalam kategori ini boleh juga dikenali sebagai pemeriksaan secara 'lorong' contohnya lorong 40' bermaksud barang-barang dari pintu kontena sehingga dinding belakang akan dibawa keluar sebaris dan Agensi Penguatkuasaan / OGA / Pihak Berkuasa Pelabuhan mempunyai akses untuk melihat dan memeriksa barang-barang lain yang masih berada di dalam kontena dengan jelas dan mudah.

c. Pemeriksaan *Tail Board (TB)*

Bermaksud pemeriksaan hanya dibuat dengan membuka pintu kontena dan hanya beberapa bungkusan sahaja yang akan dibawa keluar dan setiap bungkusan yang dibawa keluar hendaklah diperiksa oleh Agensi Penguatkuasaan / OGA / Pihak Berkuasa Pelabuhan. Pemeriksaan seperti ini hanya akan dilakukan jika barang yang dibawa adalah *homogeneous*.

#### 4.2 Pemeriksaan Secara Dokumentasi

- a. Pemeriksaan ini hanya boleh dilakukan jika semua pihak yang terlibat (bagi barang yang ditahan) tidak berisiko tinggi dan tidak mempunyai sejarah melakukan kesalahan di bawah akta atau peraturan. Pihak yang terlibat hendaklah mengemukakan dokumen asal dan semua dokumen tersebut hendaklah memuaskan hati Agensi Penguatkuasaan / OGA / Pihak Berkuasa Pelabuhan bagi melayakkan barang yang ditahan diperiksa menggunakan kategori ini.

#### 4.3 Pemeriksaan Secara Imbasan – *Nonintrusive Inspection (NII)*

- a. Pemeriksaan secara imbasan adalah sesuai bagi Agensi Penguatkuasaan / OGA / Pihak Berkuasa Pelabuhan membuat saringan bagi mengesan, mengesahkan dan menguruskan pemeriksaan fizikal (jika perlu) bagi sesuatu kes tahanan barang.

## 5.0 PERMOHONAN ID PENGGUNA

- 5.1 Setiap Agensi Penguatkuasaan / OGA / Pihak Berkuasa Pelabuhan yang terlibat perlu memohon kepada Operator Terminal berkaitan untuk mendapatkan ID pengguna bagi pegawai-pegawai berkaitan dengan menggunakan borang yang disediakan oleh Operator Terminal (**Lampiran 1**). Permohonan ID Pengguna akan diproses dan diluluskan dalam tempoh satu (1) hari bekerja.
- 5.2 Setiap Agensi Penguatkuasaan / OGA / Pihak Berkuasa Pelabuhan akan diberikan dua (2) ID pengguna sahaja untuk tujuan penahanan kontena di dalam Sistem Terminal. Sekiranya memerlukan lebih daripada dua (2) ID pengguna, Agensi Penguatkuasaan / OGA / Pihak Berkuasa Pelabuhan tersebut perlu memberikan justifikasi yang kukuh. Bagi Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM), hanya *Container Control Unit (CCU)* dan Unit Operasi di get Terminal sahaja dibenarkan untuk menahan kontena di dalam Sistem Terminal. Manakala ID pengguna yang telahpun diberikan kepada setiap Agensi Penguatkuasaan / OGA sebelum ini akan dikekalkan / masih boleh terus digunakan.
- 5.3 Agensi Penguatkuasaan / OGA / Pihak Berkuasa Pelabuhan tidak dibenarkan mengemukakan emel kepada Operator Terminal untuk membuat penahanan / pemeriksaan / pelepasan kontena di pelabuhan kecuali Sistem Terminal mengalami gangguan (*system down*).
- 5.4 ID pengguna yang digunakan perlu sah serta masih aktif dan Pegawai Agensi Penguatkuasaan / OGA / Pihak Berkuasa Pelabuhan berkenaan masih lagi berkhidmat. Sekiranya Pegawai tidak lagi berkhidmat atau telah bertukar, Operator Terminal perlu dimaklumkan dalam masa 24 jam bagi membatalkan ID Pengguna untuk tujuan menyahaktifkan ID terbabit. Sekiranya gagal, Agensi Penguatkuasaan / OGA / Pihak Berkuasa Pelabuhan tersebut bertanggungjawab bagi sebarang penyalahgunaan ID. Pengauditan berkala akan dilaksanakan oleh Operator Terminal bersama Agensi Penguatkuasaan / OGA / Pihak Berkuasa Pelabuhan.

- 5.5 Bagi ID pengguna yang tidak aktif melebihi tempoh 30 hari, ID pengguna tersebut akan terbatal secara automatik. Operator Terminal akan memaklumkan melalui emel kepada pemilik ID Pengguna terbabit di dalam masa lima (5) hari sebelum ID tersebut dibatalkan untuk tujuan pemberitahuan.
- 5.6 Sekiranya Pegawai berkaitan ingin menggunakan semula ID tersebut, Agensi Penguatkuasaan / OGA / Pihak Berkuasa Pelabuhan perlu membuat permohonan baharu kepada pihak Operator Terminal.
- 5.7 Jika memerlukan tindakan atau bantuan lanjut berhubung ID pengguna, Agensi Penguatkuasaan / OGA / Pihak Berkuasa Pelabuhan perlu menghubungi Operator Terminal.
- 5.8 Operator Terminal perlu mengemas kini dan memajukan senarai ID pengguna yang sah atau yang telah dibatalkan kepada Pihak Berkuasa Pelabuhan dalam masa 24 jam selepas kelulusan / pembatalan.

## 6.0 PENAHANAN KONTENA

- 6.1 Agensi Penguatkuasaan / OGA / Pihak Berkuasa Pelabuhan boleh menahan mana-mana kontena menggunakan ID pengguna yang sah di Sistem Terminal pada bila-bila masa.
- 6.2 Sistem Terminal perlu memaparkan Nama Agensi Penguatkuasaan / OGA / Pihak Berkuasa Pelabuhan, Bahagian / Unit / Cawangan, Nombor telefon Pejabat dan Emel Rasmi secara mandatori. Ini bagi memudahkan pihak Ejen Penghantaran terlibat berhubung dengan pegawai terbabit untuk tujuan pemeriksaan dan pelepasan kontena.
- 6.3 Sekiranya kontena ditahan oleh Agensi Penguatkuasaan / OGA / Pihak Berkuasa Pelabuhan, Ejen Penghantaran / Pengimport perlu berhubung dan mengemukakan dokumen sokongan yang berkaitan dalam tempoh 24 jam selepas kontena ditahan. Sekiranya tiada maklumbalas diterima dalam tempoh tujuh (7) hari dari tarikh kontena ditahan, kontena akan diuruskan untuk diperiksa kecuali Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS) serta komoditi di bawah Akta Perdagangan Strategik 2010 (*Strategic Trade Act 2010*), Agensi Penguatkuasaan berkaitan boleh membuka kontena pada bila-bila masa.
- 6.4 Ejen Penghantaran perlu memohon kepada Operator Terminal untuk mendapatkan pengecualian bagi caj penyimpanan serta *removal* disebabkan penahanan kontena oleh Agensi Penguatkuasaan / OGA / Pihak Berkuasa Pelabuhan. Sekiranya didapati terdapat ketidakpatuhan semasa pemeriksaan, caj-caj tersebut perlu ditanggung oleh Ejen Penghantaran.
- 6.5 Sekiranya Agensi Penguatkuasaan / OGA / Pihak Berkuasa Pelabuhan berpuas hati dengan dokumen yang dikemukakan dan memutuskan untuk tidak menjalankan pemeriksaan ke atas kontena tersebut, kontena akan dilepaskan serta merta.

## 7.0 PERMOHONAN *SPECIAL SERVICE REQUEST* (SSR)

- 7.1 Ejen Penghantaran terlibat perlu membuat permohonan SSR kepada Operator Terminal dengan **kadar segera** setelah mengetahui kontena ditahan oleh Agensi Penguatkuasaan / OGA / Pihak Berkuasa Pelabuhan bagi tujuan pemeriksaan.
- 7.2 Jika melibatkan kontena berstatus LCL, Operator Gudang perlu memohon SSR dengan menyatakan status LCL bagi memindahkan kontena ke Gudang berkaitan serta mengisytiharkan ZB1 secara elektronik kepada Pihak Berkuasa Pelabuhan sebelum ketibaan kapal. Sekiranya status LCL tidak dinyatakan dalam SSR maka kos tambahan (caj pengalihan) perlu ditanggung oleh Operator Gudang.
- 7.3 Bagi LCL, Operator Terminal perlu memproses SSR yang diterima oleh pihak Operator Gudang serta membuat penyediaan untuk pemindahan kontena tertakluk *e-Delivery Order* dilepaskan atas nama Operator Gudang dan Pihak Berkuasa Pelabuhan telah meluluskan pengisytiharan ZB1.
- 7.4 Operator Terminal akan memindahkan kontena ke pusat pemeriksaan / gudang selepas menerima permohonan SSR daripada Ejen Penghantaran / Operator Gudang.



## 8.0 PEMINDAHAN KONTENA KE PUSAT PEMERIKSAAN

- 8.1 Operator Terminal akan memindahkan kontena FCL / LCL dari yad / kawasan penahanan khas ke pusat pemeriksaan / gudang dalam tempoh 24 jam (kontena FCL) / 12 jam (kontena LCL) selepas menerima permohonan SSR dengan syarat kontena telah berada dalam yad / kawasan penahanan khas dan tertakluk kepada ketersediaan pusat pemeriksaan / *stacking area* di gudang.
- 8.2 Bagi kontena LCL, Operator Gudang bertanggungjawab ke atas keselamatan dan salah laku pada kontena selepas dipindahkan ke *stacking area* gudang.
- 8.3 Sekiranya Operator Terminal gagal memindahkan kontena FCL dalam tempoh 24 jam selepas menerima permohonan SSR, Operator Terminal tidak boleh mengenakan caj penyimpanan dan caj pengalihan (*storage & removal charges*) sekiranya pengeluaran kontena dari pelabuhan adalah disebabkan kelewatan pemindahan dari yad ke pusat pemeriksaan. Ejen Penghantaran perlu memohon kepada Operator Terminal untuk mendapatkan pengecualian bagi caj penyimpanan dan caj pengalihan tersebut.
- 8.4 Ejen Penghantaran perlu membuat semakan dalam Sistem Terminal sama ada kontena telah dialihkan ke pusat pemeriksaan serta menyediakan dokumen berkaitan (contoh *Bill of Lading, Invoice, Packing List* dan permit) bagi tujuan pemeriksaan.

## 9.0 PEMERIKSAAN KONTENA

- 9.1 Pemeriksaan bagi kontena FCL dijalankan di pusat pemeriksaan sahaja. Jika perlu, Agensi Penguatkuasaan / OGA / Pihak Berkuasa Pelabuhan boleh membuka kontena di gudang yang diuruskan oleh Operator Terminal. Manakala pemeriksaan bagi kontena berstatus LCL akan dijalankan di gudang di dalam kawasan pelabuhan.
- 9.2 Operator Terminal perlu menyediakan peralatan dan tenaga kerja yang mencukupi semasa pemeriksaan dijalankan di pusat pemeriksaan dan Ejen Penghantaran perlu menanggung semua kos yang terlibat. Bagi kontena berstatus LCL, Operator Gudang perlu menyediakan peralatan dan tenaga kerja semasa pemeriksaan.
- 9.3 Agensi Penguatkuasaan / OGA / Pihak Berkuasa Pelabuhan perlu membuat pemeriksaan kontena dalam tempoh 24 jam selepas kontena dialihkan ke pusat pemeriksaan.
- 9.4 Operator Terminal akan memindahkan semula kontena ke yad selepas tempoh tersebut berakhir.
- 9.5 Sekiranya pemeriksaan melibatkan lebih daripada satu (1) Agensi termasuk Unit berlainan di dalam Agensi Penguatkuasaan / OGA / Pihak Berkuasa Pelabuhan tersebut, maka pemeriksaan secara bersepadu perlu dijalankan seberapa boleh yang mungkin. Pemeriksaan secara berasingan adalah tidak digalakkan. Ejen Penghantaran perlu membuat penyelarasan dengan Pegawai-Pegawai yang terlibat untuk menjalankan pemeriksaan tersebut.
- 9.6 Kontena tidak boleh dibuka oleh Operator Terminal / Operator Gudang tanpa kehadiran Agensi Penguatkuasaan / OGA / Pihak Berkuasa Pelabuhan bersama-sama dengan Ejen Penghantaran kecuali MAQIS dan komoditi di bawah Akta Perdagangan Strategik (*Strategic Trade Act*) pemeriksaan akan dibuat sebaik sahaja kontena berada di Pusat Pemeriksaan / gudang.

- 9.7 Pemeriksaan hendaklah disaksikan oleh Ejen Penghantaran yang telah dilantik. Sekiranya Ejen Penghantaran belum dilantik untuk menguruskan kontena tersebut, pemeriksaan hendaklah disaksikan oleh Ejen Perkapalan. Sekiranya diarahkan oleh Agensi Penguatkuasaan / OGA / Pihak Berkuasa Pelabuhan, Pengimport juga perlu turut menyaksikan pemeriksaan.
- 9.8 Sekiranya gagal hadir, Agensi Penguatkuasaan / OGA / Pihak Berkuasa Pelabuhan akan membuka dan memeriksa kontena tersebut.
- 9.9 Agensi Penguatkuasaan / OGA yang menjalankan pemeriksaan perlu memastikan mempunyai kelengkapan yang bersesuaian berdasarkan jenis komoditi (contohnya Dadah / Dagangan Berbahaya). Sekiranya gagal tanpa sebarang sebab yang munasabah, kontena tidak boleh dibuka untuk pemeriksaan.

**Nota:**


Agensi Penguatkuasaan / OGA tidak dibenarkan untuk membuat pemeriksaan di dalam kawasan pelabuhan ke atas Dagangan Berbahaya IMO Kelas 1 dan IMO Kelas 7 (Radioaktif) yang diklasifikasikan sebagai *Group 1* oleh Pihak Berkuasa Pelabuhan. Ejen Penghantaran perlu merujuk kepada Agensi Penguatkuasaan / OGA / Pihak Berkuasa Pelabuhan untuk membuat pemeriksaan di premis Pengimport.

## **10.0 PELEPASAN KONTENA**

- 10.1 Setelah pemeriksaan selesai dijalankan dalam tempoh 24 jam selepas kontena dialihkan ke pusat pemeriksaan dan didapati teratur, kontena akan dilepaskan melalui Sistem Terminal oleh Pegawai Agensi Penguatkuasaan / OGA / Pihak Berkuasa Pelabuhan yang menahan kontena tersebut dalam tempoh 24 jam selepas pemeriksaan selesai.
  
- 10.2 Sekiranya Agensi Penguatkuasaan / OGA / Pihak Berkuasa Pelabuhan gagal membuat pemeriksaan dalam tempoh 24 jam selepas kontena dialihkan di pusat pemeriksaan, di mana kegagalan tersebut bukan berpunca dari Ejen Penghantaran / Pengimport, maka kontena serta kargo akan dianggap sebagai teratur dan perlu dilepaskan oleh Agensi Penguatkuasaan / OGA seperti para 9.1. Tetapi sekiranya kegagalan tersebut berpunca dari Ejen Penghantaran / Pengimport, maka kontena tidak akan dilepaskan dan perlu diproses semula untuk diperiksa di mana segala kos hendaklah ditanggung oleh Ejen Penghantaran / Pengimport.
  
- 10.3 Pihak Ejen Penghantaran / Pengimport perlu menyemak status berhubung pelepasan / hasil pemeriksaan kontena oleh Agensi Penguatkuasaan / OGA / Pihak Berkuasa Pelabuhan di dalam Sistem Terminal.

## 11.0 PENYITAAN KONTENA

- 11.1 Sekiranya terdapat kesalahan / ketidakpatuhan dikesan semasa pemeriksaan dijalankan dan kontena serta kargo perlu ditahan / disita untuk siasatan lanjut, maka notis sitaan / surat tahanan perlu dikeluarkan kepada pihak Pengimport / Ejen Penghantaran yang terlibat dan disalinkan kepada Operator Terminal dalam tempoh 24 jam dari tarikh pemeriksaan.
- 11.2 Agensi Penguatkuasaan / OGA / Pihak Berkuasa Pelabuhan boleh memohon kepada Operator Terminal sekiranya kontena yang disita perlu ditempatkan sementara di kawasan penahanan khas kontena di Terminal sebelum dialihkan ke stor di luar pelabuhan. Namun sekiranya diarahkan oleh Agensi Penguatkuasaan / OGA / Pihak Berkuasa Pelabuhan, Ejen Penghantaran / Pengimport perlu mengaturkan dengan Operator Terminal bagi pemunggahan serta penyimpanan kontena / kargo yang disita. Semua kos-kos berkaitan akan ditanggung oleh Ejen Penghantaran / Pengimport.
- 11.3 Dagangan perlu dialihkan dalam tempoh 24 jam dari tarikh notis sitaan / surat tahanan. Kargo akan dipunggah keluar daripada kontena yang disita dalam masa tujuh (7) hari dari tarikh sitaan. Ejen Perkapalan hendaklah memohon untuk menuntut kontena di dalam tempoh 30 hari dari tarikh notis sitaan / surat tahanan dan kontena akan dilepaskan tertakluk kepada peruntukan undang-undang dan dasar Agensi Penguatkuasaan / OGA / Pihak Berkuasa Pelabuhan yang sedang berkuatkuasa.
- 11.4 Bagi kontena *reefer*, Agensi Penguatkuasaan / OGA / Pihak Berkuasa Pelabuhan perlu membuat keputusan dalam tempoh tujuh (7) hari bekerja selepas notis sitaan dikeluarkan sama ada untuk melupuskan kargo ataupun tidak dan maklumkan keputusan tersebut kepada Pihak Berkuasa Pelabuhan serta Operator Terminal untuk tindakan selanjutnya. Keputusan yang dibuat ini adalah tertakluk kepada keadaan sesuatu kes itu (*case to case basis*).
- 11.5 Bagi kargo LCL, kargo akan ditahan di gudang atau akan dialihkan ke stor seperti yang diarahkan oleh Agensi Penguatkuasaan / OGA / Pihak Berkuasa Pelabuhan.



**INSTRUCTIONS**

1. Please print out this form and complete in BLOCK LETTERS.
2. Send the completed form via email to [etp\\_registration@westports.com.my](mailto:etp_registration@westports.com.my) for Westports or [csc@northport.com.my](mailto:csc@northport.com.my) for Northport.
3. For queries, please contact Helpdesk at +60 (3) 3169 4085 or email [etp\\_support@westports.com.my](mailto:etp_support@westports.com.my) for Westports or Helpdesk at +60 (3) 3169 8888 or email to [csc@northport.com.my](mailto:csc@northport.com.my) for Northport.

**NATURE OF BUSINESS: Please tick (v) where applicable**

Customs  OGA : MAQIS  Pharmacy  Health

**COMPANY PARTICULARS**

Agency Name			
Agency Address			
Department			
Telephone No.		Email	

**USER LIST**

	User Details		Specify Username	Specify Access	Specify Instruction	User Authorization	
1	Nama		Preferred Username (6 chars) *specify for new request only		<input type="checkbox"/> To Create <input type="checkbox"/> To Delete <input type="checkbox"/> To Change <input type="checkbox"/> Reset Password <input type="checkbox"/> Unlock Acc	Signature	Date
	NRIC						
	Staff No.						
	Designation						
	Unit						
Email		Username *for existing user only					
2	Nama		Preferred Username (6 chars) *specify for new request only		<input type="checkbox"/> To Create <input type="checkbox"/> To Delete <input type="checkbox"/> To Change <input type="checkbox"/> Reset Password <input type="checkbox"/> Unlock Acc		
	NRIC						
	Staff No.						
	Designation						
	Unit						
Email		Username *for existing user only					
3	Nama		Preferred Username (6 chars) *specify for new request only		<input type="checkbox"/> To Create <input type="checkbox"/> To Delete <input type="checkbox"/> To Change <input type="checkbox"/> Reset Password <input type="checkbox"/> Unlock Acc		
	NRIC						
	Staff No.						
	Designation						
	Unit						
Email		Username *for existing user only					
4	Nama		Preferred Username (6 chars) *specify for new request only		<input type="checkbox"/> To Create <input type="checkbox"/> To Delete <input type="checkbox"/> To Change <input type="checkbox"/> Reset Password <input type="checkbox"/> Unlock Acc		
	NRIC						
	Staff No.						
	Designation						
	Unit						
Email		Username *for existing user only					
5	Nama		Preferred Username		<input type="checkbox"/> To Create <input type="checkbox"/> To Delete		
	NRIC						

Staff No.		(6 chars) *specify for new request only			<input type="checkbox"/> To Change <input type="checkbox"/> Reset Password <input type="checkbox"/> Unlock Acc		
Designation							
Unit		Username *for existing user only					
Email							

**REQUESTOR DETAILS**

Name		Agency Stamp *mandatory	
Designation			
Signature		Date	

<b>OTHER CHANGE/REQUEST</b> (Please specify)	
---	--

*Important: By the signing above, we agree to be bound by the Terms and Conditions of Terminal Operators in Port Klang which contains Disclaimer, ICT Security Policy and Exclusion of Liability Provisions in favour of Terminal Operators. This application form shall be processed and respond within (1) working day from the date of receipt provided all information is complete and free from error.*